

MEMUPUK MODAL INSAN MALAYSIA MENERUSI PERKONGSIAN DAN KOLABORASI BERKESAN



TalentCorp
ATTRACT • NURTURE • RETAIN

Malaysia ketika ini sedang memasuki dekad perubahan teknologi yang baru dan potensi perubahan dari segi pekerjaan pada tahun-tahun yang datang dijangka akan memberi kesan besar terhadap kemahiran dan kebolehsuaian tenaga kerja negara kita.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) memacu usaha bagi memantapkan bekalan modal insan yang berkemahiran dan sedia menghadapi masa depan menerusi kerjasama erat

dengan pemimpin industri utama, institusi pendidikan serta agensi Kerajaan.

Berpandukan kepada pencapaian yang memberangsangkan pada tahun lepas, TalentCorp menasaskan untuk melipatgandakan usaha tahun ini bagi menarik, memupuk dan mengekalkan modal insan Malaysia. Salah satu bidang keutamaan bagi 2020 ialah memperkasakan generasi muda Malaysia agar mereka dapat membina kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk mengambil

bahagian dalam peluang ekonomi negara secara lebih bermakna di samping menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0).

TalentCorp akan terus memacu inisiatif modal insan menerusi kerjasama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan dan para majikan dalam sektor utama Malaysia ke arah menangani jurang kemahiran dan meningkatkan tahap kompetensi tenaga kerja negara agar setanding dengan standard antarabangsa.



PENCAPAIAN UTAMA TALENTCORP PADA 2019



LEBIH 20,000 SYARIKAT DARIPADA 18 SEKTOR DAN 6 WILAYAH

telah berkolaborasi dengan TalentCorp berkaitan langkah pembangunan modal insan setakat ini.



TalentCorp terus membangunkan

SENARAI PEKERJAAN KRITIKAL (COL)

bersama-sama dengan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) bagi mengenal pasti kekurangan modal insan dalam industri utama Malaysia.



COL 2018/2019 meliputi 59 pekerjaan kritikal daripada 18 sektor utama.

TalentCorp menganjurkan

SESI DIALOG MEJA BULAT BERSAMA PERDANA MENTERI, YAB TUN DR MAHATHIR MOHAMAD DAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

yang telah dihadiri oleh 20 dewan perniagaan asing dan juga menegaskan komitmen Kerajaan ke arah membina ekosistem modal insan yang seimbang dan dinamik untuk Malaysia.

14



Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kerjasama dengan 60 syarikat multinasional telah dijalinan menerusi program

'MALAYSIA GLOBAL TALENT' (MGT)

Program ini merupakan sebuah kolaborasi di antara TalentCorp dan InvestKL yang menasaskan memupuk 15,000 pemimpin global Malaysia menjelang 2025.

75,961



mahasiswa dan modal insan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) telah mendapat manfaat daripada

PROGRAM LATIHAN BERSTRUKTUR (SIP)

yang menggalakkan syarikat menyediakan pengalaman pembelajaran amali menerusi latihan industri untuk para pelajar IPT awam dan swasta tempatan.



820

Di antara 2015 dan 2018, lebih 820 wanita telah kembali menyertai tenaga kerja dengan lebih 300 majikan menerusi

'CAREER COMEBACK PROGRAMME' (CCP)

yang menyokong usaha untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita (FLFP) Malaysia.

Sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2020, pengecualian cukai sedia ada di bawah seliaan TalentCorp untuk wanita yang kembali bekerja selepas berehat dari kerjaya akan dilanjutkan sehingga 2023.

146



syarikat telah bekerjasama dengan TalentCorp bagi melaksanakan

AMALAN KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN (WLP)

di tempat kerja mereka setakat ini.

Pada 2019, TalentCorp telah mengembangkan usaha untuk mewujudkan kesedaran tentang pelaksanaan WLP kepada 460 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

5,324



profesional berkemahiran tinggi Malaysia yang bekerja di luar negara telah diluluskan di bawah

PROGRAM KEPULANGAN PAKAR (REP)

setakat ini.

REP meningkatkan lagi bekalan modal insan Malaysia dengan memudahkan kepulangan profesional Malaysia yang berbakat ke dalam sektor utama Malaysia.

8,228



modal insan ekspatriat berkaliber di Malaysia telah diluluskan di bawah

'RESIDENCE PASS-TALENT' (RP-T)

setakat ini.

90% daripada pemohon RP-T yang diluluskan terdiri daripada golongan individu pengurusan atau 'C-suite' dan profesional eksekutif pengurusan dengan purata pengalaman kerja lebih 10 tahun di peringkat global.

> 98%



permohonan pas berkaitan ekspatriat berjaya diproses oleh **PUSAT PERKHIDMATAN EKSPATRIAT MALAYSIA (MYXPATS CENTRE)**

dalam tempoh 5 hari bekerja seperti yang termaktub dalam piagam pelanggannya.

Sebagai inisiatif bersama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan diselia oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), MYXpats bertindak sebagai pusat sehenti bagi para ekspatriat untuk urusan hal ehwal imigresen.

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bertindak sebagai penghubungcara di antara modal insan, industri, akademik dan Kerajaan bagi memastikan bekalan modal insan Malaysia di setiap tahap dilengkapi dengan kemahiran untuk bersaing di peringkat global.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang bagaimana kami boleh membantu anda, sila kunjungi:

www.talentcorp.com.my/our-work